

# pendapat

Oleh Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain

Setiausaha Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPat)



# Meraikan kebebasan akademik

→ Setiap kebebasan itu datang bersama tanggungjawab

Su kebebasan akademik tidak pernah lekang dari pada diperdebatkan. Selain memperakui kebebasan pelajar dalam berpolitik selepas pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), banyak pihak mempersoal masa depan kebebasan akademik dalam kalangan ahli akademik di universiti yang dikatakan tercabar.

Baru-baru ini, kita dihebohkan dengan tindakan empat ahli akademik yang menyerahkan rumusan eksekutif mengenai Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) kepada Majlis Raja-Raja. Ada pihak yang mengcam tindakan mereka ini dan menggelarkan mereka sekumpulan ‘profesor kangkung’ yang sudah menyalahafsirkan perkara yang terkandung dalam Statut Rom itu sendiri sehingga mengelirukan banyak pihak. Akan tetapi, ada juga pihak yang mempertahankan tindakan mereka atas menghormati kebebasan akademik.

Kebebasan akademik merujuk kepada ahli akademik (ilmuan) atau kelompok kecil akademik yang bebas menyampaikan pandangan dan tafsirannya mengenai isu semasa yang dapat mempengaruhi kepentingan ramai. Mereka (ahli akademik) berani menyatakan kebenaran berasaskan kepalaran atau dapatkan penyelidikan tanpa rasa takut dan bimbang.

Secara umumnya, kebebasan akademik adalah satu kebebasan yang perlu disertai dengan tanggungjawab yang nyata. Ini kerana kebebasan akademik mempunyai nilai teras yang nyata, iaitu mencari kebenaran dan menyatakan kebenaran.

**Prinsip kebebasan**

Kebenaran dalam konteks ini berlandaskan kajian dan penyelidikan saintifik dengan menekankan kepada hasilan yang objektif dan pengembangan budaya ilmu. Ia juga terikat dengan norma, etika dan budaya akademik. Dalam erti kata yang lain, kebebasan akademik amat tertakluk dengan prinsip bahawa setiap kebe-



basan itu datang bersama satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Kebebasan akademik merujuk kepada ahli akademik (ilmuan) atau kelompok kecil akademik yang bebas menyampaikan pandangan dan tafsirannya mengenai isu semasa yang dapat mempengaruhi kepentingan ramai. Mereka (ahli akademik) berani menyatakan kebenaran berasaskan kepalaran atau dapatkan penyelidikan tanpa rasa takut dan bimbang”

basan itu datang bersama satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Ini amat konsisten dengan prinsip kebebasan hak asasi kerana kebebasan tanpa batas membawa lebih banyak keburukan daripada kebaikan kerana ia boleh mengancam kepentingan awam mahupun negara. Apatah lagi sebagai seorang ilmuan, ahli akademik mempunyai tanggungjawab yang berat kepada rakan kesepakaran, pelajar dan masyarakatnya.

Dalam kata lain, setiap penghujahan perlu diperlakukan dengan tanggungjawab dan dinilai implikasinya dan setiap tingkah laku akademik sentiasa diikuti dan diadili oleh peers atau komuniti kesepakarannya. Begitupun, kita percaya bagi ahli akademik berwibawa, kebebasan akademik masih berkembang segar menyelubungi kerjayanya, khususnya atas hasrat murni memindahkan ilmu untuk kepentingan negara dan sejagat.

Tidak dinafikan, kebebasan akademik di negara ini masih wujud namun berdepan dengan cabaran. Tulisan berjudul ‘Kepe-

Universiti Cemerlang’ oleh Profesor Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo dan Profesor Datuk Dr Norzaini Azman, dalam buku *Transformasi Kepimpinan Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia* yang disunting oleh saya sendiri dan Profesor Norzaini, memperakui kebebasan akademik sebenarnya sukar diamalkan memandangkan universiti awam (UA) di negara ini, adalah sebahagian daripada sistem perkhidmatan awam dan terikat dengan pelbagai peraturan perjawatan.

## Merasa terkongkong

Tidak dinafikan bahawa masih ramai lagi ahli akademik merasa terkongkong dengan sistem pentadbiran yang menyekat aktiviti akademik, terutamanya jika ditafsirkan sebagai kurang selari dengan dasar UA atau kerajaan semasa.

Dalam konteks ini, untuk beberapa bidang ilmu tertentu, UA di negara kita dilihat masih belum merdeka sepenuhnya daripada perspektif kebebasan akademik.

Pada asasnya, kebebasan akademik bukan suatu kebebasan mutlak tanpa batasan. Kebebasan akademik terikat dengan etika

akademik yang tinggi, iaitu berani bercakap benar berdasarkan fakta dan hasil penyelidikan jitu.

Isu etika akademik penting untuk menegakkan kebebasan akademik khususnya daripada perspektif pandangan berasaskan kepalaran, kebertanggungjawaban dan ketepatan maklumat.

Pada masa ini, tidak dinafikan ada sebahagian ahli akademik yang bukan atau kurang pakar dalam bidang ilmu berkaitan, memberi penjelasan tanpa sokongan fakta sahih masih berlaku. Akan tetapi, kita harus melihat komen mereka sebagai komen orang awam dan bukan pakar.

Apa yang jelas, kebebasan akademik perlu dirai dan dihormati. Suara ahli akademik wajar dialu-alukan untuk kepentingan bersama. Lebih-lebih lagi, dalam era Malaysia Baharu ini, kebebasan akademik perlu digiatkan demi semangat demokrasi yang sebenar.

\* Penulis juga pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).